50 tan gula ke Kelantan

DR. MAHATHIR

Dr. Mahathir penuhi permintaan bantuan dari Kerajaan Negeri

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan telah menghantar 50 tan gula ke Kelantan pagi tadi.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kelantan tidak harus mengalami kekurangan gula.

"Bekalan yang cukup sentiasa dihantar ke negeri itu.

"Soalnya sekarang ke manakah perginya gula yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat gula?" tanya beliau.

Bercakap kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini, beliau menjelaskan tiga perkara penting berhubung dengan laporan akhbar hari ini:

●Beliau tidak menerima sebarang telegram dari Kerajaan Negeri Kelantan untuk memohon jasa baiknya bagi mengatasi masalah itu;

●Angka yang mengatakan Kelantan menerima bekalan 35,000 tan gula setiap bulan adalah tidak tepat; dan

●Beliau berpendapat kekurangan yang dilaporkan itu berkaitan dengan kenaikan harga gula di Negeri Thai.

Oleh BUSTAMAM AHMAD

"Jika terdapat sebarang masalah berhubung kekurangan gula di Kelantan, ia adalah berpunca dari lain-lain faktor dan bukannya akibat dari kekurangan bekalan yang diterima oleh negeri itu," tegasnya.

Dibawa keluar

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulas mengenai fakor itu, tetapi berkata Kerajaan sedang mengawasi emungkinan bahan keperluan tersebut dibawa keluar dari Negeri Kelantan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, pihak berkuasa telah meningkatkan awalan berhubung dengan pergerakan bahan itu di elantan sejak beberapa minggu yang lalu akibat ari kenaikan harga gula di Negeri Thai.

Beliau menegaskan Kerajaan akan terus menjaankan tindakan pengawasan di masa depan bagi empastikan bekalan gula untuk Kelantan tidak alahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bekalan ula ke Kelantan ditambah hampir dua kali ganda ulai awal tahun ini berbanding bekalan yang di-

Katanya, Kelantan menerima bekalan purata 1,800 tan gula setiap bulan mulai Januari lalu berbanding purata bekalan 950 ton setiap bulan yang diterimanya sepanjang tahun lalu.

"Jika Kelantan menerima bekalan sejumlah 35,000 tan setiap bulan, ini bermakna setiap penduduk negeri itu menggunakan 3.6 kati gula setiap hari."

"Jika ini berlaku, besar kemungkinan ramai penduduk Kelantan akan mengidap penyakit kencing manis," katanya sambil berseloroh.

Beliau menjelaskan angka 35,000 tan itu sebenarnya ialah jumlah gula yang digunakan setiap hari oleh rakyat di seluruh negara.

Beliau menambah harga gula di Negeri Thai dilaporkan berada di paras yang tinggi, iaitu kira-kira 80 sen (ringgit Malaysia) sekati berbanding 65 sen di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menyebut dua perkara lain iaitu:

●Kerajaan telah selesai membaharui kontrak membeli gula dari Australia bagi tempoh tiga tahun; dan

●Kerajaan sedang merundingkan soal mendapatkan bekalan tambahan bahan itu dari Fiji.

Sementara itu, Keretapi Tanah Melayu akan mengangkut permintaan tambahan 800 tan gula dari seorang pengeluar di Prai ke Kota Bharu untuk membantu mengatasi masalah gula Kelantan.

Kencing manis

Pengarah Perdagangan KTM, Encik A. Rahim Osman berkata hari ini, kira-kira 50 gerabak yang boleh memuatkan 900 tan metrik kini bertolak dari Kuala Lumpur ke gudang Pengeluar Gula Malaya (MSM) di Prai malam ini.

Dia menjangka gerabak bermuatan itu akan bertolak ke Kelantan dari Prai malam esok dan mungkin akan tiba di Kota Bharu pada Jumaat atau selewatnya Sabtu.

MSM adalah satu dari pengeluar gula terbesar dan satu dari dua syarikat menggunakan Keretapi Tanah Melayu untuk mengangkut gula ke berbagai negeri. Syarikat lagi satu itu ialah Kilang Gula Felda, Perlis Sdn. Bhd.

Encik Rahim tidak dapat menyatakan sama ada kekurangan gerabak juga menyebabkan kekurangan gula di Kelantan tetapi dia merasakan Keretapi Tanah Melayu tidak boleh disalahkan selalu.

"Kami akan cuba apa cara boleh untuk membantu, asalkan terdapat gula untuk diangkut," tambahnya.

Gerabak tambahan

Katanya, sekali-sekala MSM akan meminta gerabak tambahan untuk mengangkut gula. Kadang-kadang ini dapat dipenuhi, kadang-kadang tidak, tambahnya.

Bagaimanapun, katanya, pada masa permintaan itu tidak dapat dipenuhi tidak mungkin menyebabkan kekurangan tersebut.

Menurut perangkaan, Keretapi Tanah Melayu membekal 139 gerabak kepada MSM di antara 1 Jun dan semalam tetapi hanya 17 gerabak saja yang boleh memuatkan 225 tan metrik itu dihantar ke Kelantan.

Pegawai-pegawai MSM yang dihubungi enggan memberi penjelasan tentang keadaan tersebut.

Difahamkan, Central Sugars Berhad, satu pengeluar besar, telah menghantar bekalan kecemasan ke Kelantan.

Pemeriksaan dibuat dengan penjual-penjual tempatan menunjukkan gula tidak ada kekurangan bekalan gula.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia